

# Kerajaan harap dapat semula RM28.9 bilion dana 1MDB

Kuala Lumpur: Kerajaan berharap mendapatkan semula sekurang-kurangnya AS\$7 bilion (RM28.9 bilion) dana yang diselewengkan dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata demikian ketika ditanya mengenai jumlah realistik dana yang dapat dituntut semula oleh Malaysia dari negara yang terbabit dengan siasatan skandal 1MDB, pada sidang media semalam.

Mengenai laporan media Amerika Syarikat (AS) mahu memulangkan AS\$200 juta (RM828 juta) yang didakwa disalah guna daripada dana 1MDB, Dr Mahathir berkata, wang itu dipulangkan kerana mereka tahu ia adalah milik Malaysia.

Katanya, bukan sahaja AS, malah Singapura juga akan memulangkan semula dana yang diseleweng daripada 1MDB kepada Kerajaan Malaysia.

“Ya, mereka akan pulangkan AS\$200 juta, saya ada dengar mengenainya.

“Saya rasa mereka tahu wang itu milik kita, jadi mereka pulangkan semula duit itu. Singapura juga akan pulangkan,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di sini semalam.

## **AS sedia pulang seawal minggu depan**

Terdahulu, media melaporkan pihak berkuasa AS melakukan persediaan untuk memulangkan AS\$200 juta yang didakwa disalah guna daripada dana 1MDB seawal minggu depan.

Jumlah itu merangkumi kira-kira AS\$140 juta (RM579 juta) daripada penjualan saham Hotel Park Lane di New York dan kira-kira AS\$60 juta (RM248 juta) lagi daripada penyelesaian yang dibayar oleh penerbit filem *Wolf of the Wall Street*

Mengenai dakwaan terbaru Kerajaan India terhadap pendakwah Dr Zakir Naik membabitkan pengubahan wang haram, Dr Mahathir berkata kerajaan akan meneliti tuduhan itu mengikut undang-undang sedia ada, termasuk keperluan menghantar Dr Zakir pulang.

Mengenai taklimat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dana parti politik, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memikirkan cara dibenarkan menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak kerana parti politik perlukan dana untuk beroperasi, tetapi belum ada keputusan mengenainya.

PH juga merancang adakan sambutan ulang tahun pertama pentadbirannya untuk maklumkan kepada rakyat apa yang sudah dilakukan.